

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KE TIGA, PENGGAL KE TIGA,  
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN RAMKARPAL SINGH A/L KARPAL  
SINGH (BUKIT GELUGOR)**

**TARIKH : 24 NOVEMBER 2020 (SELASA)**

**SOALAN**

**TUAN RAMKARPAL SINGH A/L KARPAL SINGH [ BUKIT GELUGOR ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan siasatan yang dibuat secara terperinci berkenaan isu penyebaran gambar-gambar wanita dan pornografi kanak-kanak dalam talian (online) melalui aplikasi Telegram yang tular baru-baru ini dan apakah langkah-langkah yang akan diambil bagi memastikan perkara sebegitu tidak berulang lagi.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah menjalankan siasatan berhubung isu penyebaran gambar-gambar wanita dan pornografi kanak-kanak dalam talian (*online*) melalui Aplikasi Telegram yang tular baru-baru ini berdasarkan dua (2) laporan polis yang diterima iaitu:

- i. Pantai rept 11962/2020, disiasat di bawah Seksyen 8 Akta Kesalahan-kesalahan Seksual terhadap Kanak-kanak 2017 [Akta 792] dan Sek 292 Kanun Keseksaan (Menjual, dan sebagainya, buku-buku, dan sebagainya, yang lucah); dan
- ii. Ampang Rpt 18666/20, disiasat di bawah Seksyen 5 dan Seksyen 8 Akta Kesalahan-kesalahan Seksual terhadap Kanak-kanak 2017 [Akta 792].

Berdasarkan siasatan yang dijalankan, PDRM telah membuat tangkapan ke atas seorang lelaki India yang disyaki terlibat dalam merakam dan menyebarkan pornografi mangsa/kanak-kanak India berumur 16 tahun. Kertas siasatan berkenaan telah dirujuk kepada Timbalan Pendakwa Raya pada 19 Oktober 2020 dan telah diarahkan untuk tuduh. Suspek telah dituduh di mahkamah pada 21 Oktober 2020 yang lalu.